

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, March 10, 2019 9:37 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Temuduga Terbuka Maybank Realisasi Kerjasama Industri Dan Universiti



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

10 MAC 2019 / 03 REJAB 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Berita dan gambar oleh: CUIC

TEMUDUGA TERBUKA MAYBANK REALISASI KERJASAMA INDUSTRI DAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Seramai 67 pelajar dari pelbagai program pengajian telah menghadiri temuduga terbuka oleh Maybank yang diadakan di Bilik Bacaan Pintar, Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena Karnival Kerjaya UUM 2019 yang berlangsung baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, 58 pelajar mencari peluang untuk menjalani latihan industri bersama Maybank sementara sembilan lagi pelajar sedang mencari peluang untuk menjadi warga kerja Maybank.

Program sehari ini dijayakan oleh Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC) dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar melalui Pusat Pembangunan Kerjaya (CDC) dan

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni, Kolej Perniagaan (PPA COB) berlangsung dari jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang.

Pengarah CUIC, Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek berkata sesi temuduga terbuka bersama Maybank ini merupakan salah satu program yang dirancang oleh CUIC dan pelbagai program temuduga terbuka lain akan dijalankan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan UUM.

Beliau turut memberikan kata-kata semangat dan tips persediaan untuk menghadiri temuduga kepada para pelajar sebelum sesi temuduga dijalankan.

Hadir sama, Pengerusi Program Bahagian Kerjasama Inovatif Industri, CUIC, Dr. Wan Nadzri Osman; Penolong Pendaftar CUIC, Azlina Yahaman, staf CUIC dan pelajar praktikum CUIC.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Hendrik Lamsali turut meluangkan masa melawat tempat temuduga dan beramah mesra dengan peserta yang hadir.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.